



InECCE UMP

bincang isu tenaga alternatif

Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Elektrikal, Kawalan dan Kejuruteraan Komputer (InECCE 2011).

Program yang berlangsung selama dua hari itu diadakan di Hotel Hyatt Regency Kuantan Resort pada 21 Jun 2011 yang lalu.

Seminar bertemakan "Kejuruteraan dan Teknologi Hijau untuk Kelestarian Pembangunan Global" itu dihadiri terdiri daripada peserta daripada ahli akademik dan profesional untuk berkongsi kepakaran dalam bidang elektrikal, kawalan dan kejuruteraan komputer.

Bersempena dengan seminar tersebut juga turut diadakan Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam yang disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz yang mewakili Naib Canselor UMP.

Menurut Profesor Dr. Badhrulhisham, persidangan ini dapat membuka peluang kepada para penyelidik untuk menambahkan pengetahuan dan kepakaran yang mesra teknologi dalam persekitaran yang lestari.

"Kejuruteraan hijau boleh didefinisikan sebagai penerapan persekitaran terhadap nilai, etika dan prinsip yang digabungkan dengan sains, teknologi serta kejuruteraan dalam persekitaran yang global."

Sementara itu, kelestarian bermaksud kesinambungan kehidupan manusia dengan

menggunakan sumber-sumber di muka bumi ini tanpa merosakkan persekitaran untuk masa akan datang.

Beliau juga berkenan menyampaikan anugerah kertas kerja terbaik mengharapakan penganjur persidangan dapat menghasilkan teknologi dan kejuruteraan hijau yang boleh mengekalkan sumber yang sedia ada demi masa hadapan generasi akan datang.

Katanya, penganjur seminar ini selari dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dalam memelopori inisiatif penyelidikan melalui hubungan universiti-industri.

Sementara itu, menurut Pemangku Dekan FKEE, Ir. Zulkeflee Khalidin, kerjasama antara penyelidik dan ahli akademik menangani isu berkaitan elektrikal, kawalan dan kejuruteraan komputer ini dapat menjalinkan suatu jaringan dalam mencari jalan penyelesaian terbaik.

Sebanyak 101 pembentang hadir melibatkan peserta daripada Malaysia, Australia, Jerman, Bangladesh, India, Iran, Libya, New Zealand, Pakistan, Korea Selatan, Thailand, Indonesia dan Filipina.

Peserta daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerima anugerah kategori Kejuruteraan Elektrikal Sistem dan bagi kategori Kejuruteraan Sistem Kawalan dan Instrumentasi dimenangi Siti Maryam Sharun dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Turut menerima anugerah Low Tang Jung dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) bagi

kategori Kejuruteraan Sistem Komputer. Manakala, rakannya Fadzrul Izuddin Abd. Aziz menang kategori Anugerah Khas Kejuruteraan dan Teknologi Hijau.

Hadir menyampaikan ucap tama adalah Profesor dari University of Sheffield, Profesor Dr. M.O Tokhi yang membicarakan mengenai Kawalan Bunyi dan Getaran dan Profesor David Chang dari Hong Kong Polytechnic University yang menyentuh mengenai Biometrik: Cabaran dan Pembangunan Era Baharu.

Persidangan berakhir dengan pembentangan kertas kerja daripada Profesor Pelawat UMP, Datuk Ir (Dr) Zaidee Laidin yang membicarakan mengenai tajuk "Keperluan Tenaga Alternatif: Isu Loji Nuklear" bagi melihat kepentingannya dan impak kepada negara.

Beliau turut mengetengahkan senario sumber tenaga di Malaysia pada masa hadapan dan mencadangkan kemungkinan pilihan sumber tenaga lain yang boleh menggantikan nuklear.

Katanya, pelaksanaan penggunaan tenaga alternatif memerlukan usaha semua pihak termasuk kerajaan, para saintis dan penyelidik serta kesedaran rakyat berkenaan sumber tenaga alternatif.

Hadir sama Profesor Anjung UMP, Dato' Dr. Ir. Abu Hashim Abdul Ghani dan Pengerusi Persatuan Komputer IEEE, Seksyen Malaysia, Mohamed Rawidean Mohd. Kassim.